

## Nasional

ms 12

# Musang King semakin dapat permintaan di China

Pekebun diminta tingkat pengeluaran tampung bekalan

**Pontian:** Durian Musang King semakin mendapat permintaan di China sehingga dijangkakan sebanyak 1,000 tan buah sejuk beku itu mampu dieksport ke negara berkenaan setiap bulan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pekebun terbabit dengan tanaman itu kini digalakkan meningkatkan pengeluaran masing-masing kerana hanya 50 peratus daripada permintaan 1,000 tan durian itu mampu dieksport ketika ini.

"Musang King sejuk beku berhasil jaya dieksport ke China pada Jun lepas."

"Tiga hari lepas, semasa di Wuhan, kita lancarkan Musang King ini dan sambutannya sangat baik. Jadi, saya nampak masa hadapan industri durian kita berkembang dan kita akan pastikan kita akan terus tembusi pasaran



Salahuddin pada sidang media di Pontian, semalam.

(Foto Bernama)

China," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Salahuddin berkata, beliau sudah berpesan kepada pengusaha yang terbabit dengan pengeluaran durian Musang King, supaya sentiasa memenuhi kriteria dan protokol ditetapkan dalam mengeksport buah ini, termasuk mendapatkan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) bagi mengelakkan daripada tidak

mendapat kelulusan pihak berkuasa China.

Beliau berkata, pengusaha juga akan diberikan insentif sebagai galakan terhadap penanaman buah berkenaan.

Katanya, durian Musang King banyak ditanam di Bentong dan Raub di Pahang, Segamat di Johor, dan Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan.

**Saya nampak masa hadapan industri durian kita berkembang dan kita akan pastikan kita akan terus tembusi pasaran China.**

**Salahuddin Ayub,  
Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani**

Berdasarkan galakan terhadap penanaman buah terbabit, sasaran peningkatan sebanyak 50 peratus lagi eksport buah itu dapat dicapai dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi, katanya.

"Selain China, Musang King turut disasar untuk dieksport ke Singapura dan Los Angeles di Amerika Syarikat, di mana terdapat kawasan 'Little China' di situ," katanya. BERNAMA